

## Hubungan modal sosial terhadap aktiviti ekonomi pekebun kecil sawit

Sarmila Md Sum<sup>1</sup>, Mohd Yusran Omar<sup>2</sup>, Zaimah Ramli<sup>1</sup>, Azima Abdul Manaf<sup>1</sup>, Rosmiza Mohd Zainol<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Bahagian Pembangunan,  
Kementerianan Pengangkutan Malaysia

Correspondence: Sarmila Md Sum (email: Sarmila.mdsum@ukm.edu.my)

Received: 13 August 2023; Accepted: 26 September 2023; Published: 30 November 2023

### Abstrak

Di Malaysia, salah satu industri eksport terpenting ialah industri minyak sawit. Industri minyak sawit menyumbang RM48 bilion kepada keluaran dalam negara kasar negara pada tahun 2020, dan telah menyediakan sara hidup kepada seramai 249,461 pekebun kecil sawit (PKS). Industri minyak sawit telah memainkan peranan penting dalam usaha negara untuk mengurangkan kemiskinan sejak setengah abad yang lalu. Sejumlah besar bantuan dan program telah disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan kepada industri untuk meningkatkan produktiviti dan tahap ekonomi PKS melalui peningkatan modal kewangan, fizikal dan modal insan. Namun begitu, di sebalik pelbagai usaha dilakukan, kebanyakan PKS masih berada di bawah kategori kumpulan pendapatan B40. Penyelidikan di negara lain seperti Indonesia dan Vietnam menunjukkan bahawa selain modal kewangan dan modal insan, komuniti pertanian meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka dengan meningkatkan tahap modal sosial. Ini kerana mempunyai modal sosial membolehkan individu atau organisasi memperoleh pelbagai bentuk modal daripada sumber lain. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi aktiviti ekonomi PKS dan mengukur tahap modal sosial PKS melalui dimensi struktur ikatan (*bonding*), jalinan (*bridging*) dan rantaian (*linking*) serta kekuatan dan pengaruh modal sosial terhadap aktiviti ekonomi PKS. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mengumpul data kajian daripada 370 PKS di negeri Perak. Analisis menggunakan nilai min, korelasi dan regresi mendedahkan bahawa struktur modal sosial PKS ikatan, jalinan dan rantaian berada pada tahap sederhana tinggi dan berkait secara positif dengan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, kekuatan pengaruh berada pada tahap yang rendah. Hasil kajian ini menunjukkan modal sosial dalam kalangan PKS masih belum mencapai tahap yang boleh mempengaruhi aktiviti ekonomi seperti dapatan kajian lepas. Justeru, agensi pembangunan yang berkaitan perlu mengintegrasikan perancangan dan program yang dapat meningkatkan tahap modal sosial PKS bagi meningkatkan tahap aktiviti ekonomi mereka.

**Keywords:** Aktiviti ekonomi, modal sosial ikatan, modal sosial jalinan, modal sosial rantaian, pekebun kecil sawit (PKS), struktur modal sosial

## The relationship of social capital to the economic activities of the palm oil smallholders

### Abstract

In Malaysia, one of the most important export industries is the palm oil industry. The palm oil industry contributed RM48 billion to the country's gross domestic product in the year 2020, and it has provided a means of subsistence for a total of 249,461 oil palm smallholders (PKS). The palm oil industry has been instrumental in the country's efforts to lessen the prevalence of poverty over the past half-century. A large amount of assistance and programs have been made available by various government agencies to the industry to enhance the productivity and the level of economy of the PKS through enhancing the financial, physical, and human capital. However, despite various efforts, most PKS are still under the category of B40 income group. Research in other countries such as Indonesia and Nigeria show that besides financial and human capital agricultural communities raised their standard of living and income by increasing the levels of social capital. This is because having social capital makes it possible for individuals or organisations to obtain different forms of capital from other sources. Hence, this study is to evaluate the performance of the PKS economic activity and measure the PKS level of social capital through structural dimensions (bonding, bridging, and linking), as well as the strength and influence of social capital on the PKS economic activities. This research adopts a quantitative approach and uses the purposive sampling technique to collect the research data from 370 PKS in the state of Perak. Analysis using min value, correlation and regression reveals that the PKS social capital structure of bonding, bridging, and linking are at a moderately high level and positively related to economic activity. However, the strength of the influence is at a low level. The results of this study indicate that social capital among the PKS has yet to reach the level that can influence economic activity as the findings of previous studies. Hence, the relevant development agencies need to integrate programs to increase the social capital level of PKS to increase their level of economic activities.

**Keywords:** Economic activities, bonding social capital, bridging social capital, linking social capital, oil palm smallholders (PKS), social capital structure

### Pengenalan

Sejak setengah abad yang lalu, industri sawit telah membantu mengurangkan kemiskinan terutama melalui penempatan berstruktur Pekebun Kecil Sawit (PKS) di seluruh negara. Buat masa ini terdapat 249,461 PKS yang berdaftar di seluruh negara. Pelbagai bantuan merangkumi khidmat nasihat, modal kewangan dan modal fizikal dikhurasukan kepada para PKS yang bertujuan untuk menambah baik hasil ladang mereka. Para PKS juga digalakkan oleh pihak Kerajaan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ekonomi untuk menambah pendapatan dan mengurangkan kesan negatif akibat ketidaktentuan pasaran sawit dunia (Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Negara, 2022). Bantuan-bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan kepada PKS hampir mencakupi semua jenis modal yang diperlukan didalam industri perladangan. Bantuan pinjaman memulakan aktiviti perladangan dari Koperasi Peladang Sawit Mampan (KPSM) dan juga bantuan Skim Pembinaan Pusat Timbang di KPSM adalah antara bantuan modal kewangan dan modal fizikal yang diperuntukan bagi PKS. Selain itu, program khidmat nasihat, panduan dan

latihan secara berterusan melalui pelbagai program yang dijalankan oleh pegawai TUNAS membantu dalam membina modal insan dalam kalangan PKS (Basiron, 2007). Namun begitu, kajian yang meneliti status ekonomi pekebun sawit mendapati masih ramai PKS yang berada di dalam kelompok B40 (Shafai et al., 2020) dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,860 (Siwar et al., 2019) walau pun banyak bantuan telah diberikan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi mereka. Pada masa yang sama kadar purata pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) kelapa sawit seluruh negara juga masih lagi dibawah tahap yang disasarkan oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB) iaitu 22MT/hektar/tahun (Abd Hair et al., 2016). Pada tahun 2019, kadar purata pengeluaran BTS seluruh negara hanyalah sekitar 1.43MT/Ha/bulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a) dan hanya 1,113 dari seluruh pekebun kecil yang telah mencapai kadar pengeluaran 2.5MT/Ha/bulan atau 30MT/Ha/Tahun sehingga 2016 (Haidhar, 2017). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur satu lagi komponen modal dalam industri pertanian, selain modal fizikal dan modal kewangan iaitu modal sosial dikalangan PKS dan sejauhmana modal sosial ini mempunyai hubungan dengan aktiviti ekonomi PKS di negara ini.

### **Modal sosial dalam industri pertanian**

Menurut Vera-Toscano et al. (2012), modal sosial adalah sangat penting dalam komuniti pertanian di kawasan luar bandar di Eropah. Selama ini telah menjadi satu stereotaip bahawa sektor pertanian dikuasai oleh sifat individualisme yang menyumbang kepada imej petani adalah bersendirian, bertaburan dan terpencil. Namun, realiti pertanian moden di Eropah adalah sangat berbeza. Para petani menyertai pelbagai persatuan untuk mempertahankan kepentingan umum mereka, menyuarakan kepentingan sebagai pengeluar hasil pertanian, bersama-sama membeli input atau mengkomersialkan produk (secara koperasi), mengurus sumber air kawasan, menjadi pengantara dalam peraturan pasaran, menjalankan kerja fitosanitari atau rawatan untuk kesihatan haiwan secara besar-besaran dan memastikan kualiti pengeluaran pertanian. Apabila individu yang berkongsi minat dan kepercayaan yang sama menjalinkan jaringan, perkongsian maklumat serta percambahan idea antara mereka adalah lebih berkesan. Oleh itu, modal sosial yang kuat memberi impak positif kepada petani.

Kesan positif modal sosial juga belaku terhadap komuniti pertanian di tempat lain seperti di Indonesia (Jelsma et al., 2017), Kenya (Po & Hickey, 2020) dan Nigeria (Kehinde et al., 2021). Kepentingan modal sosial ini juga dibincangkan dalam kerangka rantaian pembangunan komuniti oleh Phillip dan Pittman (2009). Menurut kerangka ini modal sosial adalah elemen yang perlu bagi membina keupayaan komuniti untuk bertindak bagi mendapatkan hasil pembangunan ekonomi dalam masyarakat. Dengan tercapainya hasil ekonomi dalam masyarakat, proses akan bermula semula dengan pembangunan kapasiti dan juga pembangunan modal sosial. Justeru ini dalam kajian Fitzpatrick dan Akgungor (2023) terhadap pengeluar ternakan pekebun kecil di Malawi dan Filipina, modal sosial ditemui sebagai pemangkin kepada peningkatan peluang ekonomi kepada pekebun kecil yang dikaji.

Terdapat tiga dimensi yang menggambarkan modal sosial iaitu dimensi struktur, dimensi hubungan dan dimensi kognitif (Vera-Toscano et al., 2012). Dimensi struktur dalam modal sosial mewakili pembentukan hubungan antara individu atau kumpulan. Hubungan tersebut di gambarkan sebagai ikatan, jalinan, dan rantaian (Noorasiah et al., 2022). Modal sosial ikatan (*bonding*) merujuk kepada modal sosial yang dihasilkan melalui interaksi antara ahli kumpulan yang agak homogen, sementara modal sosial jalinan (*bridging*) merujuk kepada modal sosial yang

dijana dan dikongsi melalui saling hubungan antara kumpulan heterogen. Manakala modal sosial rantaian (*linking*) adalah hubungan individu, atau kumpulan yang mereka miliki, atau hubungan dengan orang atau kumpulan berkedudukan sama ada kuasa politik atau kewangan. Modal sosial struktur adalah merupakan platform bagi memudahkan semua pihak bekerjasama manakala dimensi hubungan dan dimensi kognitif mendorong semua pihak untuk melakukan Kerjasama. Dimensi struktur modal sosial merujuk kepada bentuk rangkaian sosial yang bersifat objektif, boleh diukur, manakala dimensi modal sosial yang lain lebih bersifat subjektif dan tidak ketara (Wolz et al., 2010; Claridge, 2018). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini modal sosial PKS dinilai dari dimensi struktur sahaja.

Modal sosial ikatan yang kuat akan meningkatkan kerjasama dan perhubungan di kalangan ahli komuniti petani, menyokong pertukaran pengetahuan tidak formal dan pengalaman serta perkongsian buruh ladang dan jentera ladang (Cofré-Bravo et al., 2019; Fisher, 2013). Modal sosial ikatan yang kuat juga akan membentuk perpaduan dan menggalakkan timbal balik yang istimewa kepada setiap ahli, walaupun ia mungkin juga mempunyai kesan negatif (Putnam, 2000; Wolz et al., 2010). Berbanding jenis modal sosial yang lain, modal sosial ikatan adalah amat penting kerana ia dapat membina rangkaian yang membolehkan individu atau organisasi berkaitan untuk terus hidup dan bertahan (*getting by*) dalam menghadapi rintangan (Putnam, 2000; Po & Hickey, 2020). Bagi kelompok petani di Andalusia, Sepanyol, modal sosial ikatan memainkan peranan ketara dalam memupuk kesedaran sivik (Vera-Toscano et al., 2012). Modal sosial ikatan juga mempunyai perkaitan positif dalam mengalakkan penyertaan wanita untuk terlibat membuat keputusan mengenai aktiviti pertanian berkelompok di Kambaland, Kenya (Po & Hickey, 2020).

Di Malaysia, terdapat kajian kualitatif pernah dijalankan di Simpang Renggam dan Pontian Johor untuk mengkaji kesan modal sosial terhadap pengeluaran sawit. Hasil kajian mendapati bahawa kualiti modal ikatan yang baik dengan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap sesama ahli komuniti dan Pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS) memberikan pengeluaran buah tandan segar sawit yang baik (Ainul Shazwin, 2018). Modal sosial ikatan yang kuat juga telah membolehkan sekumpulan pekebun kecil sawit di Ladang Ophir, Sumatera Barat, Indonesia mencapai kadar penghasilan BTS sebanyak 25-30MT/Ha untuk tahun 1999-2007 dan mampu membayar balik ansuran pinjaman pembangunan membuka ladang hingga 6-7 tahun lebih awal daripada jangkaan asal iaitu 15 tahun. Pekebun kecil sawit di sana sentiasa saling bantu membantu dan kerap memantau aktiviti perlادangan ahli kelompok agar masing-masing menjalankan peranan seperti yang telah dipersetujui bersama. Semua ahli kelompok akur dengan pembayaran yang diterima disebabkan pemantuan secara kerap oleh sesama ahli dan sikap tolong menolong yang sering diamalkan. Hubungan antara mereka amat rapat dan masing-masing memberikan bekerjasama sehingga setiap ahli kelompok kekal berada dalam kelompok walaupun setelah bayaran ansuran pembangunan telah dijelaskan sepenuhnya (Jelsma et al., 2017).

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, modal sosial ikatan adalah penting untuk hubungan terus bertahan, maka modal sosial jalinan dan rantaian adalah diperlukan untuk individu atau organisasi untuk maju kehadapan atau “*getting ahead*” (Putnam, 2000; Po & Hickey, 2020). Ia mempunyai impak yang baik terhadap perkongsian pengetahuan dan kepercayaan, seterusnya menggalakkan urus niaga serta usaha bagi kemajuan ekonomi, sumber kewangan serta membuka peluang untuk mempelbagaikan bentuk pengeluaran dan model perniagaan (Cofré-Bravo et al., 2019; Vera-Toscano et al., 2012; Sabatini, 2009). Modal sosial jalinan dan rantaian juga memainkan peranan penting di ladang Ophir. Prestasi baik sesebuah kelompok sering dijadikan contoh ikutan kepada kelompok-kelompok lain. Khidmat bantuan dari kelompok lain dan dari pihak atasan pengurusan ladang digunakan apabila masalah yang dihadapi benar-benar diluar

kemampuan sesebuah kelompok. Tujuan pentadbiran Ladang Ophir disusun sebegitu rupa kerana negara yang memberi bantuan modal dan teknikal iaitu negara Jerman, menginginkan ahli ladang Ophir mampu berdiri sendiri dan tidak selamanya mengharapkan bantuan kerajaan (Jelsma et al., 2017).

Para petani yang mempunyai modal sosial jalinan dan rantaian yang kuat mempunyai kapasiti yang lebih besar untuk memperoleh dan mengasimilasikan pengetahuan tentang teknologi dan amalan terkini yang datang daripada sumber luar ladang. Tambahan pula, mereka akan mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang kaedah untuk menyelesaikan pelbagai jenis isu di ladang mereka, seperti pengurusan tanaman, pemasaran, dan kawalan penyakit. Selain itu, mereka juga akan menerima maklumat tepat pada masanya, sebagai contoh kenaikkan dan kejatuhan harga, serangan wabak atau persediaan menghadapi kejadian bencana alam (Cofré-Bravo et al., 2019). Para pekebun wanita di Kambaland, Kenya memanfaatkan modal sosial jalinan untuk meningkatkan kepelbagaian sumber maklumat dan latihan mereka. Manakala modal sosial rantaian pula membolehkan mereka untuk melibatkan diri dengan pihak luar yang memegang jawatan atau kuasa. Ini bagi membolehkan mereka memperoleh sumber tambahan atau berupaya mempengaruhi pemimpin tempatan untuk mendapatkan sumber tersebut bagi kegiatan ekonomi pertanian mereka (Po et al., 2020).

Kajian lepas mendapati ketiga-tiga struktur komponen modal sosial perlu seimbang bagi memperoleh manfaat ekonomi. (Vera-Toscano et al., 2012; Putnam, 2000; Wolz et al., 2010. Kajian yang dijalankan terhadap peladang kecil di Bulgaria mendapati bahawa modal sosial ikatan yang tidak diuruskan dengan baik berpotensi mengurangkan kecekapan ladang, namun modal sosial jalinan berupaya meningkatkan kecekapan dengan lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan pendapatan pertanian (Wolz et al., 2010). Ini kerana tahap ikatan yang terlalui dominan akan memberikan tekanan sosial kepada setiap ahli untuk terus mematuhi norma kumpulan. Perkara ini berpotensi untuk membawa kepada penolakan idea baharu. Namun sekiranya hubungan dibentuk dengan terlalu memfokus kepada modal sosial jalinan pula dan mengabaikan modal sosial ikatan, ia akan menghalang sesebuah kumpulan petani untuk mengadaptasi amalan teknologi pertanian terkini, kerana maklumat yang telah diperolehi oleh sebilangan kecil ahli kumpulan tidak dapat disebarluaskan dengan baik kepada ahli kumpulan. Pada masa yang sama, sekiranya terdapat beberapa individu dalam kumpulan petani yang terlalu memfokuskan kepada modal sosial rantaian sahaja, mereka berpotensi bertindak sebagai penjaga pintu kepada beberapa maklumat istimewa dan terkini yang mungkin menghadkan perkongsian kepada segelintir ahli sahaja .Oleh itu adalah penting untuk setiap organisasi petani mempunyai bentuk modal sosial yang seimbang kerana para petani yang giat mengembangkan hubungan mereka daripada modal sosial ikatan kepada modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian lebih cenderung untuk melaksanakan amalan pertanian berteknologi terkini dan lebih proaktif dalam mencari pengetahuan. Manakala petani yang cenderung untuk mengguna pakai teknologi dan amalan sedia ada yang telah terbukti, sering menghadkan rangkaian mereka kepada modal sosial jalinan dan ikatan sahaja (Cofré-Bravo et al., 2019).

Sehubungan itu, kajian yang hanya meneliti kesan modal sosial secara keseluruhan tanpa meneliti setiap komponen modal sosial yang ada tidak mampu untuk memberi gambaran secara tepat akan kepentingan modal sosial terhadap komuniti yang dikaji. Bertitik tolak dari kelompangan ini maka kajian akan meneliti hubungan setiap komponen dimensi struktur modal sosial struktur iaitu komponen modal sosial ikatan, jalinan dan rantaian terhadap komuniti pekebun kecil yang dikaji.

## Aktiviti ekonomi pekebun kecil

Menurut Akta 85: Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan 2016), Pekebun kecil adalah pekebun yang memiliki keluasan tanaman kurang daripada 100 ekar atau 40.46 hektar atau seseorang yang diisytiharkan secara bertulis oleh Menteri (Malaysia 1972; Ainul Shazwin 2018). Setiap PKS perlu mendapatkan lesen pekebun kecil sawit daripada MPOB, selaras dengan Akta 582: Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Suraiya et al., 2016). Dengan ketiadaan lesen mereka akan berada di luar radar pemantauan dan bantuan MPOB. Walau bagaimanapun, bagi kajian ini, PKS adalah pekebun sawit yang memiliki keluasan kebun sawit yang kurang dari 100 ekar atau 40.46 hektar dan tidak mengambil kira sama ada mereka mempunyai lesen PKS atau tidak.

Seorang pekebun adalah seorang usahawan atau pengurus perniagaan yang menjalankan aktiviti ekonomi berkaitan tanah (McElwee, 2008). Manakala menurut *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (2008) aktiviti ekonomi adalah semua aktiviti yang mengembel modal, buruh, tenaga, dan material dengan bermatlamat untuk menjana pendapatan: sama ada dengan menawarkan perkhidmatan atau menghasilkan bahan jualan kepada pengguna atau bahan mentah kepada aktiviti lain (United Nation, 2008).

Aktiviti ekonomi bagi seorang pekebun adalah segala aktiviti pertanian yang dijalankan dengan tujuan untuk menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, para pekebun tidak terikat dengan suatu jenis aktiviti sahaja. Mereka melakukan aktiviti luar ladang (*off farm*) bagi menampung hasil ladang (*on farm*) yang rendah (Qadir et al., 2014). Sehubungan dengan itu, bagi kajian ini aktiviti ekonomi PKS dirujuk sebagai:

### *Aktiviti dalam ladang (On farm)*

- a) Aktiviti pertanian utama iaitu aktiviti yang menghasilkan Buah Tandan Segar (BTS) seperti menyemai, membekal input-input pertanian, menanam, menuai, menjual hasil tuaian.
- b) Aktiviti ekonomi sampingan iaitu aktiviti yang lain yang dijalankan di ladang seperti menanam kenaf atau ternakan secara integrasi di ladang sawit.

### *Aktiviti luar ladang (Off farm)*

Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan ladang seperti mengusahakan kebun sayur atau buah di tempat lain, menjalankan aktiviti nelayan, membuka bengkel menyelenggara mesin jentera, memburu, bekerja di sektor awam atau swasta, menjalankan aktiviti perniagaan peruncitan dan lain-lain lagi.

Kajian-kajian sebelum ini mendapati majoriti PKS di Malaysia mengusahakan sawit secara sepenuh masa dan tidak terlibat dengan sebarang aktiviti ekonomi yang lain Perkara ini mungkin disebabkan oleh faktor umur yang majoritinya 60 tahun ke atas dan ahli keluarga yang muda kebanyakkan mencari rezeki di bandar. Walau bagaimanapun, masih terdapat juga PKS yang turut menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain seperti aktiviti integrasi sawit, menjalankan perniagaan ataupun menjalankan sawit secara separuh masa kerana mempunyai kerja tetap di tempat lain (Abd Hair et al., 2016; Azima et al., 2018; Zaimah et al., 2018). Oleh itu boleh disimpulkan, aktiviti ekonomi bagi PKS di Malaysia, boleh terbahagi kepada tiga jenis iaitu segala aktiviti yang terlibat untuk menghasilkan Buah Tandan Segar (BTS) di ladang mereka (*on farm*), aktiviti sampingan di ladang (*on farm*) dan aktiviti ekonomi luar ladang (*off farm*)

PKS di kawasan Sungai Bok Miri, mempunyai berbagai sumber ekonomi bagi menyokong pendapatan sawit mereka. Majoriti dari mereka memilih untuk mengusahakan sawah padi, mengambil upah menjalankan kerja rencam, menoreh getah, mengusahakan tanaman lain, penternakan, padi bukit dan lain-lain lagi (Cramb & Sujang, 2012). Di Sulawesi Barat, Indonesia, PKS juga menjalankan aktiviti ekonomi sampingan bagi menampung kekurangan pendapatan kebun sawit mereka. Aktiviti pertanian luar ladang sawit yang diceburi adalah perikanan, tanaman pisang, kelapa dan koko. Manakala aktiviti bukan pertanian yang diceburi ialah penjaja jalanan, pekerja kerajan, buruh binaan, tukang jahit, pemandu dan lain-lain (Ramadhana et al., 2021). Oleh itu dapat disimpulkan, aktiviti ekonomi sampingan yang dipilih oleh PKS adalah yang paling mudah berdasarkan keupayaan mereka untuk mengusahakannya.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan strategi penyelidikan kuantitatif dengan kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik bagi tujuan pengutipan data komponen modal sosial yang terdapat di kalangan Pekebun Kecil Sawit (PKS) dan kesannya terhadap aktiviti ekonomi mereka. Kajian ini dijalankan di Negeri Perak yang terletak kira-kira 80km di utara Kuala Lumpur. Jumlah populasi PKS negeri Perak bagi tahun 2022 ialah 42,531 orang. Melalui pengiraan jumlah sampel berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) jumlah sampel yang disasarkan adalah seramai 381 PKS sebagai responden. Kajian ini telah berjaya memperolehi penglibatan seramai 379 PKS. Bilangan ini adalah merupakan 99.48 peratus daripada sasaran sampel. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dalam memilih responden kajian. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah Pekebun Kecil Sawit (PKS) iaitu pekebun sawit negeri Perak yang mempunyai keluasan kebun kurang daripada 40 hektar. Borang soal selidik secara atas talian dalam bentuk Google Form iaitu salinan lembut (*softcopy*) dan juga dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) telah disediakan secukupnya dan diedarkan kepada semua pejabat TUNAS Perak. Dua bentuk soal selidik dikemukakan bagi memudahkan proses pengumpulan data dilaksanakan. Sesi pengedaran soal selidik telah mula dijalankan di seluruh negeri Perak pada 30 Mei hingga 17 Jun 2022.

Skala likert lima peringkat telah digunakan untuk menentukan skala bagi soalan dalam Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, dan Bahagian E. Nilai skala likert lima peringkat adalah seperti berikut: 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, dan 5 = sangat setuju. Kajian rintis dijalankan untuk menentukan kebolehlaksanaan atau sama ada kajian tersebut munasabah untuk dijalankan (Chua, 2006). nilai Cronbach Alpha yang diperolehi secara keseluruhan adalah 0.96. Analisis inferensi Korelasi Pearson digunakan untuk mengukur hubungan antara pembolehubah dan analisis Regresi untuk menilai pengaruh. Magnitud pekali korelasi digunakan untuk menentukan kekuatan sambungan dimana, lebih besar nilai korelasi, lebih kukuh perkaitan.

## Hasil kajian

### *Demografi responden*

Hasil analisis demografi PKS mendapati sebanyak 70.7 peratus responden adalah PKS lelaki dan 20.3 peratus responden adalah PKS perempuan. Majoriti responden adalah berumur 61 tahun ke atas iaitu 42.7 peratus, diikuti oleh responden yang berumur 51 hingga 60 tahun iaitu 24.8 peratus. PKS yang berumur 41 hingga 50 tahun hanyalah 18.2 peratus, 31 hingga 40 tahun iaitu 8.9 peratus dan 20 hingga 30 tahun iaitu 4.5 peratus. Majoriti responden adalah warganegara Malaysia iaitu 99.2 peratus manakala 0.8 peratus selebihnya adalah berstatus Pemastautin Tetap. Dari segi komposisi kaum pula, sebanyak 65.7 peratus PKS adalah Melayu, 29.0 peratus adalah cina dan PKS India adalah 5.3 peratus sahaja. Majoriti responden mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM iaitu 34.8 peratus, seterusnya SRP/PMR/PT3 iaitu 17.9 peratus dan sekolah rendah/UPSR iaitu 14.5 peratus.

**Jadual 1.** Demografi responden

Profil	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	302	79.7
Perempuan	77	20.3
<b>Umur</b>		
20-30 tahun	17	4.5
31-40 tahun	37	9.8
41-50 tahun	69	18.2
51-60 tahun	94	24.8
61 tahun atau lebih	162	42.7
<b>Warganegara</b>		
Warganegara Malaysia	376	99.2
Pemastautin tetap	3	0.8
<b>Bangsa</b>		
Melayu	249	65.7
Cina	110	29.0
India	20	5.3
<b>Taraf pendidikan tertinggi</b>		
Tiada pendidikan rasmi	24	6.3
Sekolah rendah/ UPSR	55	14.5
SRP/PMR/PT3	68	17.9
SPM	132	34.8
Sijil/Sijil kemahiran	17	4.5
STPM	8	2.1
Diploma	35	9.2
Ijazah Sarjana Muda	36	9.5
Lain-lain	4	1.1

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

### *Tahap aktiviti ekonomi PKS*

Aktiviti ekonomi PKS dinilai melalui 7 indikator iaitu pengiktirafan MPSO, kadar hasilan BTS, aktiviti ekonomi sampingan dan jumlah pendapatan keseluruhan. Secara keseluruhan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh PKS yang dikaji adalah pada tahap sederhana rendah dengan purata

skor min 3.23. Namun begitu penelitian kepada perincian indikator mendapati penyataan ‘Berjaya mendapatkan pensijilan MSPO’ mendapat skor tahap tinggi dengan min 4.18. Hasil ini memberi indikasi bahawa aktiviti ekonomi untuk mendapatkan persijilan MSPO dikalangan PKS negeri Perak yang dikaji adalah tinggi. Kajian juga mendapat terdapat skor min yang sederhana tinggi bagi aktiviti dalam proses mendapatkan pensijilan MSPO (min 3.40) yang mana akan menyumbang kepada tahap yang akan menjadi lebih tinggi dimasa akan datang akan mereka yang mencapai pensijilan MSPO dikalangan PKS. Skor bagi pendapatan hasil pengeluaran BTS yang mencapai sebanyak 22 metrik tan sehektar iaitu paras pengeluaran purata yang perlu dicapai oleh PKS menunjukkan skor min 3.40 (sederhana tinggi). Begitu juga skor min bagi jumlah pendapatan dari semua aktiviti ekonomi yang mencapai jumlah melebihi RM4849 iaitu paras pendapatan B40 menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu min 3.20. Keadaan ini memberi indikasi bahawa PKS yang terlibat dalam kajian ini berpotensi untuk keluar dari kategori B40 pada tahap sederhana tinggi jika aktiviti ekonomi mereka dapat dipertingkatkan. Namun begitu hasil kajian mendapati penglibatan dalam aktiviti ekonomi intergrasi masih belum tinggi dengan skor min 2.68 (sederhana rendah).

**Jadual 2.** Tahap aktiviti ekonomi PKS

Bil	Indikator	STS	TS	KS	S	SS	SP	Min
1	Telah berjaya mendapat pengiktirafan MSPO	9 (2.4)	28 (7.4)	36 (9.5)	118 (31.1)	188 (49.6)	1.03	4.18
2	Dalam proses mendapatkan pensijilan MSPO	51 (13.5)	55 (14.5)	58 (15.3)	121 (31.9)	94 (24.8)	1.35	3.40
3	Pengeluaran BTS mencapai 26 metrik tan per hektar setahun	13 (3.4)	59 (15.6)	126 (33.2)	125 (33.0)	56 (14.8)	1.02	3.40
4	Terlibat dengan aktiviti integrasi sawit.	84 (22.2)	77 (20.3)	107 (28.2)	83 (21.9)	28 (7.4)	1.23	2.72
5	Mempunyai pendapatan dari aktiviti intergrasi sawit	85 (22.4)	80 (21.1)	113 (29.8)	75 (19.8)	26 (6.9)	1.21	2.68
6	Mempunyai pendapatan selain dari hasil sawit dan integrasi sawit.	53 (14.0)	63 (16.6)	127 (33.5)	96 (25.3)	40 (10.6)	1.18	3.02
7	Jumlah pendapatan aktiviti ekonomi melebihi RM4,849 sebulan	38 (10.0)	55 (14.5)	133 (35.1)	101 (26.6)	52 (13.7)	1.15	3.20
<b>Purata min 3.23</b>								

Petunjuk: STS= Sangat Tidak Setuju; TS= Tidak Setuju; KS = Kurang Setuju; S= Setuju; SS = Sangat Setuju.  
 Skor Min: 1.0–2.0 = Rendah; 2.01–3.00 = Sederhana Rendah; 3.01–4.0 = Sederhana Tinggi; 4.01–5.0 = Tinggi

### *Tahap Modal Sosial Ikatan (Bonding)*

Analisi modal sosial ikatan dijalankan melalui 8 indikator yang meliputi hubungan sesama PKS, perkongsian maklumat, jumlah ahli keluarga yang terlibat menjalankan aktiviti ekonomi, kesanggupan untuk menghulurkan bantuan, kehadiran didalam perjumpaan yang diadakan dan kesanggupan untuk menjalankan kerjasama dengan rakan PKS didalam kawasan yang sama. Butiran analisis modal sosial ikatan adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3.** Tahap modal sosial ikatan (*Bonding*)

Bil	Indikator	STS	TS	KS	S	SS	SP	Min
1	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan rakan pekebun Kecil Sawit (PKS) kawasan.	11 (2.90)	6 (1.60)	30 (7.90)	198 (52.20)	134 (35.40)	0.86	4.16
2	Saya dan rakan PKS kawasan saling berkongsi maklumat berkaitan:	9 (2.4)	15 (4.0)	31 (8.2)	212 (55.9)	112 (29.6)	0.864	4.06
3	a) aktiviti penanaman sawit							
3	b) aktiviti ekonomi sampingan sawit	27 (7.1)	36 (9.5)	42 (11.1)	176 (46.4)	98 (25.9)	1.153	3.74
4	c) aktiviti ekonomi selain sawit	24 (6.3)	36 (9.5)	55 (14.5)	177 (46.7)	87 (23.0)	1.11	3.70
5	Saya mempunyai ahli keluarga yang sedia membantu dalam aktiviti ekonomi saya.	10 (2.6)	18 (4.7)	29 (7.7)	209 (55.1)	113 (29.8)	0.89	4.05
6	Rakan PKS kawasan juga saling sedia membantu jika saya memerlukan bantuan.	11 (2.9)	23 (6.1)	42 (11.1)	190 (50.1)	113 (29.8)	0.95	3.98
7	Saya akan hadir dalam mana-mana perjumpaan bersama rakan PKS kawasan.	15 (4.0)	28 (7.4)	50 (13.2)	188 (49.6)	98 (25.9)	1.01	3.86
8	Saya dan rakan PKS kawasan saling bekerjasama dalam aktiviti PKS kawasan.	12 (3.2)	25 (6.6)	55 (14.5)	189 (49.9)	98 (25.9)	0.97	3.89

**Skor purata 3.93**

Petunjuk: STS= Sangat Tidak Setuju; TS= Tidak Setuju; KS = Kurang Setuju; S= Setuju; SS = Sangat Setuju.

Skor Min: 1.0–2.0 = Rendah; 2.01–3.00 = Sederhana Rendah; 3.01–4.0 = Sederhana Tinggi; 4.01–5.0 = Tinggi

Berdasarkan dapatan kajian yang dilaksanakan, didapati indikator ‘Hubungan sesama PKS dalam kawasan’ memperoleh skor tertinggi iaitu 4.16, diikuti dengan indikator ‘Perkongsian maklumat untuk aktiviti penanaman sawit’ iaitu 4.06 serta indikator ‘Penglibatan ahli keluarga dalam aktiviti ekonomi’ iaitu 4.05. Indikator-indikator lain berada ditahap sederhana tinggi. Skor purata untuk modal sosial ikatan adalah sederhana tinggi iaitu 3.93.

#### *Tahap Modal Sosial Jalinan (Bridging)*

Modal sosial jalinan dinilai melalui 8 indikator iaitu hubungan dengan rakan PKS dari luar kawasan, pertukaran maklumat, kehadiran dalam perjumpaan dan penglibatan bersama PKS luar kawasan, perkongsian pengalaman dan sumber motivasi. Purata skor keseluruhan adalah sederhana tinggi iaitu min 3.54. Hasil kajian juga mendapati kesemua indikator menunjukkan skor min yang sederhana tinggi diantara min 3.25-3.80 dimana indikator ‘hubungan dengan PKS luar’ memperlihatkan skor yang tertinggi. Aktiviti pertukaran maklumat berkaitan aktiviti ekonomi penanaman sawit menunjukkan skor min 3.72 iaitu yang paling tinggi berbanding dengan pertukaran maklumat berkaitan aktiviti ekonomi sampingan sawit dan juga aktiviti ekonomi selain sawit. Aktiviti menghadiri perjumpaan PKS diperangkat daerah, negri dan kebangsaan menunjukkan skor min yang paling rendah.

**Jadual 4.** Tahap modal sosial jalinan (*Bridging*)

Bil	Indikator	STS	TS	KS	S	SS	SP	Min
1	Mempunyai hubungan dengan beberapa rakan PKS di luar kawasan.	17 (4.5)	31 (8.2)	50 (13.2)	194 (51.2)	87 (23.0)	1.02	3.80

2	Bertukar-tukar maklumat dengan PKS di luar kawasan berkaitan:	18 (4.7)	38 (10.0)	49 (12.9)	203 (53.6)	71 (18.7)	1.03	3.72
a)	aktiviti penanaman sawit							
3	b) aktiviti ekonomi sampingan sawit	26 (6.9)	48 (12.7)	71 (18.7)	169 (44.6)	65 (17.2)	1.12	3.53
4	c) aktiviti ekonomi selain sawit	26 (6.9)	46 (12.1)	76 (20.1)	175 (46.2)	56 (14.8)	1.09	3.50
5	Menghadiri perjumpaan PKS diperingkat Daerah/ Negeri/ Kebangsaan	37 (9.8)	57 (15.0)	106 (28.0)	132 (34.8)	47 (12.4)	1.15	3.25
6	Mempunyai aktiviti perladangan bersama rakan pekebun di luar kawasan.	31 (8.2)	46 (12.1)	84 (22.2)	166 (43.8)	52 (13.7)	1.12	3.43
7	Saling berkongsi pengalaman / kejayaan PKS luar kawasan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi.	22 (5.8)	42 (11.1)	83 (21.9)	167 (44.1)	65 (17.2)	1.07	3.56
8	Rakan PKS luar kawasan memotivasikan aktiviti kerja tani.	21 (5.5)	44 (11.6)	77 (20.3)	175 (46.2)	62 (16.4)	1.06	3.56

**Skor purata 3.54**

Petunjuk: STS= Sangat Tidak Setuju; TS= Tidak Setuju; KS = Kurang Setuju; S= Setuju; SS = Sangat Setuju.

Skor Min: 1.0–2.0 = Rendah; 2.01–3.00 = Sederhana Rendah; 3.01–4.0 = Sederhana Tinggi; 4.01–5.0 = Tinggi

### *Tahap Modal Sosial Rantaian (Linking)*

Modal sosial rantaian dinilai melalui 4 elemen utama iaitu hubungan dengan pembekal, pembeli, agensi dan Koperasi Peladang Sawit Mampan (KPSM). Hubungan dengan pembekal mempunyai 7 indikator, pembeli mempunyai 9 indikator dan agensi mempunyai 24 indikator. Manakala hubungan dengan KPSM mempunyai 10 indikator. Modal sosial rantaian secara keseluruhan memperoleh skor purata sebanyak 3.1 iaitu di tahap sederhana tinggi.

Modal sosial rantaian antara PKS dan pembekal mempunyai skor purata pada tahap sederhana tinggi iaitu min 3.85. Indikator yang digunakan untuk menilai modal sosial rantaian dengan pembekal adalah hubungan dengan pembekal, urusan mendapatkan bekalan, khidmat nasihat perladangan, kualiti bekalan yang disediakan dan bantuan belian secara kredit. Modal sosial rantaian antara PKS dan pembeli dinilai melalui aktiviti penjualan, hubungan dengan beberapa pembeli dan pertukaran maklumat. Skor purata adalah sebanyak 4.40 iaitu di tahap sederhana tinggi.

Modal sosial rantaian antara PKS dan Agensi dinilai melalui 24 indikator yang berkaitan dengan hubungan dengan beberapa agensi, peluang pertukaran maklumat berkaitan tanaman sawit, aktiviti sampingan *on farm* dan *Off farm*. Selain itu bantuan mendapatkan pensijilan MSPO turut dinilai didalam indikator modal sosial rantaian dengan pihak agensi. Skor purata modal sosial rantaian PKS dengan agensi adalah min 3.10.

Modal sosial rantaian antara PKS dan KPSM dinilai melalui 10 indikator yang berkaitan dengan keahlian KPSM, keahlian koperasi lain, kehadiran dalam perjumpaan koperasi, keterlibatan dalam pengurusan, keterlibatan dalam aktiviti koperasi, kesan keterlibatan didalam aktiviti koperasi dan tahap keaktifan PKS didalam koperasi yang disertai. Skor purata yang diperolehi adalah sederhana rendah iaitu 2.30 sahaja.

**Jadual 5.** Tahap modal sosial rantaian (*Linking*)

<b>Bil</b>	<b>Modal sosial rantaian</b>	<b>Purata min (Sisihan piawai)</b>	<b>Tahap</b>
1	Pembekal	3.85 (0.76)	Sederhana tinggi
2	Pembeli	3.40 (0.56)	Sederhana tinggi

3	Agensi	3.10 (0.67)	Sederhana tinggi
4	KPSM	2.30 (1.10)	Sederhana tinggi
<b>Skor purata keseluruhan</b>		<b>3.10 (0.59)</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

Skor Min: 1.0–2.0 = Rendah; 2.01–3.00 = Sederhana rendah; 3.01–4.0 = Sederhana tinggi; 4.01–5.0 = Tinggi

### *Hubungan modal sosial dengan aktiviti ekonomi PKS*

Analisa hubungan antara modal sosial ikatan, modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian terhadap prestasi aktiviti ekonomi PKS adalah seperti di Jadual 6. Hasil analisa ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa ketiga-tiga komponen modal sosial adalah signifikan terhadap aktiviti ekonomi berdasarkan nilai  $p$  masing-masing iaitu 0.00 lebih kecil dari aras keertian 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara modal sosial ikatan, modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian terhadap prestasi aktiviti ekonomi PKS. Nilai korelasi Pearson bagi modal sosial ikatan ialah 0.324, manakala modal sosial jalinan ialah 0.384 dan modal sosial rantaian ialah, 0.489. Kesemuanya menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat terhadap prestasi aktiviti ekonomi PKS.

**Jadual 6.** Korelasi modal sosial dengan aktiviti ekonomi PKS

	<b>Korelasi</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>
1	Modal sosial ikatan ( <i>Bonding</i> )	1.000			
2	Modal sosial jalinan ( <i>Bridging</i> )	.651 ** .000	1.000		
3	Modal sosial jalinan ( <i>Linking</i> )	.483 ** .000	.446 ** .000	1.000	
4	Aktiviti ekonomi	.324 ** .000	.384 ** .000	.489 ** .000	1.000

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

### *Pengaruh modal sosial terhadap aktiviti ekonomi PKS*

Analisis regresi berganda mendapati bahawa nilai R kuasa dua adalah pada 0.273. Ia membawa maksud bahawa modal sosial ikatan, modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian menyumbangkan sebanyak 27.3% varian dalam prestasi aktiviti ekonomi PKS. Manakala ujian F mendapati bahawa bagi hubungan antara modal sosial ikatan, modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian dengan prestasi aktiviti ekonomi PKS adalah signifikan dengan nilai  $F= 46.977 p=0.000 < 0.05$ . Hasil analisis ini memberi indikasi bahawa terdapat hubungan yang wujud antara modal sosial ikatan, modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian dengan prestasi aktiviti ekonomi PKS.

**Jadual 7.** Analisis Regresi Modal Sosial terhadap Aktiviti Ekonomi PKS

<b>Pemboleh ubah tak bersandar</b>	<b>Beta</b>	<b>Nilai t</b>	<b>Sig.</b>
Pemalar		5.875	.000
Modal sosial ikatan ( <i>Bonding</i> )	-.004	-.072	.943
Modal sosial jalinan ( <i>Bridging</i> )	.210	3.548	.000
Modal sosial rantaian ( <i>Linking</i> )	.397	7.735	.000

$R^2 = 0.273$ ,  $F = 46.977$   $p = 0.000 < 0.05$

Walau bagaimanapun, nilai pekali (*Coefficients*)  $\beta$  menunjukkan bahawa modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian adalah signifikan terhadap prestasi aktiviti ekonomi PKS dengan nilai pekali dan signifikan masing masing adalah  $\beta_{bridging}=0.210$ ,  $p=0.000$  dan  $\beta_{linking}=0.397$ ,  $p=0.000$ . Dengan nilai  $p$  yang lebih kecil dari 0.05, ini menunjukkan bahawa modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian mempengaruhi prestasi aktiviti ekonomi PKS manakala modal sosial ikatan tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap aktiviti ekonomi PKS.

## Perbincangan

Hasil analisa kajian mendapati tahap aktiviti ekonomi PKS di negeri Perak adalah pada tahap sederhana tinggi (purata min 3.23) namun tahap pensijilan MSPO PKS adalah pada tahap tinggi iaitu min 4.18. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh tahap penglibatan dengan aktiviti intergrasi sawit yang rendah yang membawa jumlah pendapatan sampingan yang rendah. PKS di negeri Perak mempunyai modal sosial pada tahap sederhana tinggi dengan modal sosial ikatan memperolehi skor purata min 3.93, manakala modal sosial jalinan min 3.54. Modal sosial rantaian pula memperoleh skor purata sebanyak 3.10. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan terhadap pekebun sawit di Ladang Ophir Sumatera (Jelsma et al., 2017), PKS di Simpang Renggam (Ainul Shazwin, 2018), peladang koko di Nigeria (Kehinde et al., 2021) dan peladang kopi Ethopia (Ruben & Heras, 2012) di mana modal sosial wujud dalam kalangan komuniti pertanian di luar bandar.

Hubungan antara rakan PKS, perkongsian maklumat tanaman sawit dan bantuan dari ahli keluarga memperoleh skor yang tinggi didalam modal sosial ikatan. Bagi modal sosial jalinan pula, indikator hubungan dengan rakan PKS di luar kawasan, perkongsian maklumat tanaman sawit, peningkatan motivasi setelah melihat kejayaan PKS luar memperoleh skor tertinggi. Begitu juga dengan hubungan dengan pembekal dan pembeli. Namun begitu kajian ini mendapati modal sosial rantaian yang diukur melalui hubungan dengan agensi dan juga koperasi pertanian dilihat masih rendah sedangkan hubungan dengan kedua-dua pihak ini dirujuk sebagai modal yang membina kemampuan untuk petani maju kedepan dalam bidang pertanian sebagaimana yang sarankan oleh Putnam (2000) serta kajian Po dan Hickey (2020).

Ketiga modal sosial yang dikaji mempunyai hubungan yang positif terhadap aktiviti ekonomi PKS. Nilai korelasi Pearson adalah 0.324 ( $p=0.00$ ) bagi modal sosial ikatan, 0.384 ( $p=0.00$ ) bagi modal sosial jalinan dan 0.489 ( $p=0.00$ ) bagi modal sosial rantaian. Berdasarkan hasil analisa kajian, modal sosial ikatan PKS mempunyai kekuatan hubungan paling kurang berbanding komponen modal sosial lain. Keadaan ini berkemungkinan selari dengan pernyataan oleh Vera-Toscano et al. (2012) bahawa modal sosial ikatan tidak mempunyai hubungan yang positif kepada prestasi ekonomi dan akan lebih ketara bagi kumpulan yang lebih berumur. Merujuk kepada hasil analisa demografi kajian ini, umur responden majoriti berada pada julat 51-60 tahun dan juga lebih.

Ujian regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa modal sosial jalinan dan modal sosial rantaian mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi PKS dengan nilai  $\beta$  dan  $p$  masing-masing adalah sebanyak 0.210 (0.000) untuk jalinan dan 0.397 (0.000) untuk rantaian. Manakala modal sosial ikatan tidak memberi sebarang pengaruh kepada aktiviti ekonomi. Perkara ini selari dengan Putnam (2000) dan Narayan (1999) dlm Vera-Toscano et al. (2012) dan Wolz et al. (2010) dimana modal sosial ikatan berpotensi mempunyai konotasi negatif atau tidak menyumbang kepada pembangunan. Malah Vera-Toscano et al. (2012) menegaskan bahawa

perkara tersebut menjadi lebih jelas terutama dalam kumpulan yang telah berusia. Walau bagaimanapun, modal sosial ikatan tidak boleh diabaikan kerana ianya perlu bagi membentuk perpaduan kelompok manakala modal sosial yang lain adalah perlu untuk maju kehadapan (Putnam, 2000; Po & Hickey, 2020).

### Kesimpulan

Hasil kajian mendapati modal sosial PKS dan aktiviti ekonomi berada di tahap sederhana tinggi tapi kekuatan hubungan diantara ketiga-tiga bentuk modal sosial dengan aktiviti ekonomi PKS adalah di tahap rendah dan hanya dua komponen modal sosial sahaja yang mempengaruhi tahap aktiviti ekonomi PKS iaitu modal sosial jalinan dan rantaian. Sedangkan, modal sosial rantaian bagi PKS adalah masih rendah terhadap sebahagian pihak yang berkepentingan dengan PKS. Dan modal ikatan yang tidak mempengaruhi aktiviti ekonomi berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini memperlihatkan bahawa perlunya komponen modal sosial yang seimbang untuk dibangunkan dalam kalangan PKS yang terlibat dengan kajian ini. Modal sosial rantaian yang mempunyai hubungan dan pengaruh yang tinggi terhadap aktiviti ekonomi perlu dipertingkatkan dalam kalangan PKS disamping modal sosial ikatan yang sudah sedia berada pada tahap tinggi untuk dipelihara dan dikekalkan. Program yang dapat mempertingkat hubungan PKS dengan KPSM iaitu koperasi yang khusus untuk PKS serta agensi termasuk MPOB dan juga agensi pembangunan industri pertanian yang lain perlu giat untuk dipertingkatkan bagi meningkatkan tahap modal rantaian PKS. Semoga dengan peningkatan tahap modal sosial ini akan dapat meningkatkan tahap aktiviti ekonomi PKS dari berada pada tahap sederhana tinggi kepada tahap yang tinggi.

### Penghargaan

Pengkaji merakam penghargaan kepada Dana Endowment UKM-MPOB yang telah membiaya projek ini dengan kod EP-2020-038.

### Rujukan

- Abdul Hair, H., Khairuman, H., Zaimah, R., Lyndon, N., Izzurazlia, I., Peng, T. S., Arfan, J., Nur Hana, B., Mohd Haidar, Abdul Hamid, & Ishak, Y. (2016). Pemindahan teknologi dan produktiviti pekebun kecil persendirian sawit di Teluk Intan, Perak. *Journal of Social Science Humanities, Special Issues*(September), 78–87.
- Ainul Shazwin. (2018). *Social capital among oil palm independent smallholders in Johor, Malaysia* [Master dissertation, Universiti Putra Malaysia].
- Azhar Ahmad, Lokhman Hakim Osman, Ahmad Raflis Che Omar, Mara Ridhuan Rahman & Suraiya Ishak. (2020). Contributions and challenges of palm oil to smallholders in Malaysia. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 9(6), 269-273.
- Azima, A. M., Choy, E. A., Lyndon, N., & Yew, V. W. C. (2018). Mendepani kekangan inovasi dan teknologi dalam kalangan pekebun kecil sawit di Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(2), 56-67.
- Azman, I. & Nazirah, C. J. (2014). The effects of establishing sustainable oil palm growerS cooperatives on the incomes of oil palm smallholders. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 14(2), 1-7.

- Basiron, Y. (2007). Palm oil production through sustainable plantations. European. *Journal of Lipid Science and Technology*, 109(4), 289–295.
- Chua, Y. P. (2006). *Research methods*. McGraw-Hill Education.
- Claridge, T. (2018). Dimensions of Social Capital-structural, cognitive, and relational. *Social Capital Research*, 1, 1-4.
- Cofré-Bravo, G., Klerkx, L., & Engler, A. (2019). Combinations of bonding, bridging, and linking social capital for farm innovation: How farmers configure different support networks. *Journal of Rural Studies*, 69, 53-64.
- Cramb, R. A., & Sujang, P. S. (2012). Pathways through the plantation: Oil palm smallholders and livelihood strategies in Sarawak, Malaysia. Conference (56th) Australian Agricultural and Resource Economics Society, February 7-10, Fremantle, Australia.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education Inc.
- Fisher, R. (2013). A gentleman's handshake: The role of social capital and trust in transforming information into usable knowledge. *Journal of Rural Studies*, 31, 13–22.
- Fitzpatrick, E., & Akgungor, S. (2023). The contribution of social capital on rural livelihoods: Malawi and the Philippines cases. *The Annals of Regional Science*, 70, 659–679.
- Garrigos-Simon, F. J., Botella-Carrubi, M. D., & Gonzalez-Cruz, T. F. (2018). Social capital, human capital, and sustainability: A bibliometric and visualization analysis. *Sustainability*, 10(12), 4751.
- Izzurazlia, I., Abd Hair, A., & Azima, A. M. (2018). Persepsi perkhidmatan pengembangan dan amalan pertanian baik pekebun kecil sawit persendirian. *Journal Social Sciences and Humanities*, 13(3), 068-083.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). Indikator Pertanian Terpilih Malaysia 2020.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020b). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas 2019.
- Jelsma, I., Slingerland, M., Giller, K. E., & Bijman, J. (2017). Collective action in a smallholder oil palm production system in Indonesia: The key to sustainable and inclusive smallholder palm oil?. *Journal of Rural Studies*, 54, 198-210.
- Kehinde, A. D., Adeyemo, R., & Ogundeleji, A. A. (2021). Does social capital improve farm productivity and food security? Evidence from cocoa-based farming households in Southwestern Nigeria. *Heliyon*, 7(3), e06592.
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Negara. (2022). Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lyndon, N., Razak, N., Azima, A. M., Junaidi, A. B. & Sivapalan, S. (2015). Empowerment of the Bidayuh rural community oil palm smallholders: A case study in Serian district, Sarawak, Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4S3), 55-62.
- Malaysia. (1972). Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan 2016). Seksyen 26, Akta 85.
- Martin, S., Rieple, A., Chang, J., Boniface, B., & Ahmed, A. (2015). Small farmers and sustainability: Institutional barriers to investment and innovation in the Malaysian palm oil industry in Sabah. *Journal of Rural Studies*, 40, 46-58.
- Martin, S. (2009). Networking and innovation in the Malaysian Palm Oil Industry: Past, present and future. *Oil Palm Industry Economic Journal (OPIEJ)*, 9, 13-22.

- Mattessich, P. W. (2009). *Social capital and community building - An introduction to community development*. Routledge-Taylor dan Francis Group.
- McElwee, G. (2008). A taxonomy of entrepreneurial farmers. *International journal of entrepreneurship and small business*, 6(3), 465-478.
- Noorasiah S., Syazuani A., Mohd Nasir M. S., & Rahmah, I. (2014). Analisis modal sosial terhadap tingkat pendapatan individu di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke 9), 17-19 Oktober, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Phillips, R. & Pittman, R. (2014). *An introduction to community development*. New York USA.
- Po, J. Y. T., & Hickey, G. M. (2020). Cross-scale relationships between social capital and women's participation in decision-making on the farm: A multilevel study in semi-arid Kenya. *Journal of Rural Studies*, 78, 333–349.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone*. Touchstone.
- Putnam, R. D. (2001). Social capital: Measurement and consequences. *Canadian Journal of Policy Research*, 2(1), 41–51.
- Qadir, M., Quillérou, E., Nangia, V., Murtaza, G., Singh, M., Thomas, R. J., & Noble, A. D. (2014). Economics of salt-induced land degradation and restoration. *Natural Resources Forum*, 38(4), 282–295.
- Ramadhana, A., Ahmed, F., & Thongrak, S. (2021). The impact of oil palm farming on household income and expenditure in Indonesia. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(4), 0539–0547.
- Rostila, M. (2010). The facets of social capital. *Journal for the Theory of Social Behaviour* 41(3), 308–326.
- Ruben, R., & Heras, J. (2012). Social capital, governance and performance of ethiopian coffee cooperatives. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 83(4), 463–484.
- Rusyda, R., Sarmila M. S., & Maisarah C. A. (2022). Memperkasakan komuniti berdasarkan modal sosial rantai dalam ekosistem perusahaan sosial. Kajian pelbagai kes: Pengasas perusahaan sosial di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 40-49.
- Sabatini, F. (2009). The relationship between trust and networks. An exploratory empirical analysis. *Economics Bulletin*, 29(2), 661-672.
- Sarmila, M. S., Lyndon, N., Rosniza, C. R., Selvadurai, S., & Rusyda, R. (2017). Peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil: Kajian kes Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM). *GEOGRAFI*, 5(3), 64-71.
- Schneider, J. A. (2006). *Social capital, community, and economic development*. The J. McDonald Williams Institute.
- Siwar, C., Ismail, M. K., Alias, N. A. & Zahari, S. Z. (2019). *Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di Malaysia: Mengenal pasti trend, ciri, isu dan cabaran*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafiqai, M. H. M., Ali, S. A., & Yaacob, S. E. (2020). Kesan sikap, faktor halangan dan manfaat tanggapan pekebun kecil sawit persendirian kepada niat menggunakan mikro kredit Islam. *Islamiyat*, 42(1), 3-14.
- Suraiya, I., Ahmad Raflis, C. H., Mohd Yusof, H., Abd Hair, A., Lyndon, N., Othman, A., & Mohd Syafiq, A. K. (2016). Menjejaki mekanisme kawalan ke atas aktiviti orang tengah dalam rantai pengeluaran hasil pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 46-58.

- United Nations. Statistical Division. (2008). *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)* (No. 4). United Nations Publications
- Vera-Toscano, E., Garrido-Fernández, F. E., Gómez-Limón, J. A., & Cañadas-Reche, J. L. (2012). Are theories about social capital empirically supported? Evidence from the farming sector. *Social Indicators Research*, 114(3), 1331–1359.
- Wolz, A., Fritzsch, J., Shterev, N., & Buchenrieder, G. (2010). *Semi-Subsistence Farming, Farm Income and Social Capital in Bulgaria—Is there a Link?*. *Quarterly Journal of International Agriculture*, 49(4):285-298.
- Zaimah, R., Lyndon, N., Sarmila, M. S., & Hussain, M. Y. 2018. Tahap kepuasan pekebun kecil sawit terhadap amalan integrasi sawit. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(2), 97-107.